

# notis mesyuarat agung tahunan ke-35

DENGAN INI ADALAH DIMAKLUMKAN BAHAWA Mesyuarat Agung Tahunan Syarikat yang ke Tiga Puluh Lima akan diadakan di Auditorium, Tingkat 3, Bangunan Malaysian Re, No. 17, Lorong Dungun, Damansara Heights, 50490 Kuala Lumpur pada hari Isnin, 25 Ogos 2008 pada jam 3.00 petang bagi tujuan mengendalikan urusan-urusan berikut:

## Sebagai Urusan Biasa

1. Untuk menerima dan meluluskan Laporan Pengarah dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tahun berakhir 31 Mac 2008 bersama-sama Laporan Juruaudit.  
**(Resolusi Biasa 1)**
2. Untuk meluluskan pengisytiharan dividen akhir sebanyak 15%, ditolak cukai sebanyak 25% bagi tahun berakhir 31 Mac 2008.  
**(Resolusi Biasa 2)**
3. Untuk melantik semula Pengarah-Pengarah berikut yang bersara menurut Artikel 86, di bawah peruntukan Tataurusan Pertubuhan Syarikat:
  - (i) Sharkawi Alis **(Resolusi Biasa 3)**
  - (ii) Anuar Mohd Hassan **(Resolusi Biasa 4)**
4. Untuk melantik semula Paisol Ahmad menurut Artikel 92 di bawah peruntukan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.  
**(Resolusi Biasa 5)**
5. Untuk meluluskan bayaran imbuhan para Pengarah sebanyak RM738,300 bagi tahun berakhir 31 Mac 2008 (2007 : RM739,600).  
**(Resolusi Biasa 6)**
6. Untuk melantik semula Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit dan membenarkan para Pengarah untuk menetapkan imbuhan mereka.  
**(Resolusi Biasa 7)**
7. Untuk mengendalikan sebarang urusan lain yang perlu dijalankan di Mesyuarat Agung Tahunan.

## Sebagai Urusan Khas

Untuk mempertimbangkan dan jika difikirkan wajar, meluluskan Resolusi berikut, dengan atau tanpa perubahan:

8. Cadangan Pindaan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

“BAHAWA, pindaan Tataurusan Pertubuhan Syarikat seperti yang dibentangkan dalam Lampiran I Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 30 Julai 2008 adalah dengan ini diluluskan”  
**(Resolusi Khas 1)**

Dengan Perintah Lembaga

**NORAZMAN HASHIM** (MIA 5817)

**LENA ABD LATIF** (LS 8766)

Setiausaha-Setiausaha Syarikat

Kuala Lumpur  
30 Julai 2008

### NOTA:

1. Seseorang ahli yang berhak hadir dan mengundi di Mesyuarat Agung Tahunan adalah berhak untuk melantik seorang proksi untuk hadir dan mengundi bagi pihaknya. Seseorang proksi itu tidak semestinya seorang ahli Syarikat. Surattara perlantikan proksi hendaklah dibuat secara bertulis, dan, sekiranya dia seorang individu, mestilah dengan dimeterai atau ditandatangani bagi pihaknya oleh peguamnya atau pegawai dari Syarikat yang diberi kuasa. Semua borang proksi yang lengkap hendaklah dihantar kepada Pejabat Pendaftar Syarikat, Symphony Share Registrars Sdn. Bhd., Tingkat 26, Menara Multi Purpose, Capital Square, No. 8, Jalan Munshi Abdullah, 50100 Kuala Lumpur tidak kurang dari 48 jam sebelum masa yang ditetapkan bagi Mesyuarat Agung Tahunan atau sebarang penangguhannya.

2. **Nota penjelasan berhubung Resolusi Khas 8 di bawah Urusan Khas:**

Jika diluluskan, Resolusi Khas tersebut akan meminda Tataurusan Pertubuhan Syarikat agar selaras dengan Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad yang berkuatkuasa pada masa ini.

Maklumat lanjut berhubung cadangan pindaan Tataurusan Pertubuhan Syarikat dibentangkan dalam Pekeliling kepada Pemegang Saham bertarikh 30 Julai 2008 yang dihantar bersama-sama dengan Laporan Tahunan 2008 Syarikat.